

# UMNO akan banyakkan perbincangan dengan ulama

UM 23 FEB 2002

KUALA LUMPUR 22 Feb. — UMNO akan mengadakan lebih banyak perbincangan dan dialog dengan golongan ulama bagi menjelaskan pendirian parti itu kepada golongan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, langkah itu perlu bagi menangkis tuduhan parti pembangkang yang menuduh UMNO dan pucuk pimpinannya sebagai anti ulama.

“Kita bersetuju bahawa Biro Hal Ehwal Agama UMNO akan dapat mengadakan perbincangan dan dialog dengan golongan ulama.

“Ini supaya pendirian kerajaan dan UMNO akan dapat difahami,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dalam lidah rasmi parti itu, *Harakah* bertarikh 16-28 Februari lalu menyifatkan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Forum Ekonomi Dunia di New York, baru-baru ini sebagai menghina golongan ulama.

Mengulas lanjut, Abdullah yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, MT menyokong penuh ucapan yang dibuat Dr. Mahathir di New York itu.

“UMNO berpendapat bahawa Perdana Menteri tidak pernah anti ulama.

“Memang sesuatu yang realiti bahawa hubungan UMNO dengan ulama adalah baik,” jelasnya.

Menurut beliau, pendekatan yang sering diambil oleh Dr. Mahathir dalam menyelesaikan beberapa isu ialah dengan mengadakan perbincangan dengan golongan ulama.

“Pendekatan yang diambil oleh Perdana Menteri iaitu berbincang dengan ulama berkaitan isu-isu penting sama ada isu sosial dan pendidikan untuk mendapatkan pandangan mereka,” katanya.

Dalam pada itu, kata beliau, UMNO juga menyokong segala rancangan yang dijalankan oleh kerajaan untuk membangunkan umat Islam dan meninggikan syiar agama.

Abdullah menambah, hubungan akrab UMNO dan ulama telah wujud sejak parti itu ditubuhkan pada tahun 1946.

“Daripada mula UMNO digerakkan untuk berjuang menuntut kemerdekaan, sehingga sekarang hubungan itu tetap terjalin dengan baik,” jelasnya.